

Headline	Berkerusi roda tunai haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	10	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	299 cm <sup>2</sup>
Journalist	Petah Wazzan Iskandar	AdValue	RM 10,123
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,368



# Berkerusi roda tunai haji

» *Anggap kekurangan bukan halangan jalan ibadah*

Oleh Petah Wazzan Iskandar  
► Georgetown

**S**aya tekad untuk meneruskan ibadat haji pada tahun ini, biarpun terpaksa bergerak menggunakan kerusi roda akibat lemah urat sendi kaki kiri sejak setahun lalu.

“Saya tidak mampu berdiri lama dan hilang sedikit upaya untuk berjalan tetapi ia bukanlah alasan yang melemahkan semangat menunaikan impian semua umat Islam ini,” kata jemaah haji, Mat Jalani Sulaiman, 65, dari Bagan Serai, Perak.

Mat Jalani berkata, beliau bersyukur kerana hasrat menunaikan haji yang ditunggu sejak 28 tahun lalu ham-pir terlaksana dan berdoa supaya selesai dengan baik.

Bagaimanapun, beliau yang pertama kali akan menjelaskan kaki di Makkah ter-

kilan kerana pergi berasrama selepas isterinya meninggal dunia empat tahun lalu.

“Apabila tiba nanti, perkara pertama saya mahu buat ialah mendoakan seluruh keluarga dikurniakan kesihatan yang baik dan dirahmati bagi yang sudah meninggal termasuk istri saya,” katanya.

Beliau ditemui pada majlis meraikan jemaah haji perberangan pertama Stesen Bayan Lepas 1434 Hijrah yang di rasmiakan Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas di Kompleks Tabung Haji (TH), di sini, semalam.

Turut hadir, isteri Abdul Rahman, Toh Puan Majimor Shariff dan Timbalan Pengarah Operasi Haji 1434H, Abdul Halim Jamil.

Ibu tunggal sembilan anak, Zaliha Sulaiman, 67, dari Parit

Buntar, Perak, pula berkata dia tidak menganggap dirinya yang berkerusi roda akan mengganggu urusan hajinya yang dipendam sejak muda lagi.

## Teruskan hasrat

“Biarpun suami sudah meninggal dunia lebih enam tahun lalu, saya akan tetap teruskan impian kami berdua, malah, pemergian saya ke tanah suci secara berseorangan tidak melemahkan semangat kerana saya tahu pihak TH akan memberi perkhidmatan terbaik,” katanya.

Pengarah Operasi Stesen Bayan Lepas 1434 Hijrah, Amat Kassim Pait, berkata pihaknya menguruskan 830 jemaah yang dibahagikan kepada lima kumpulan yang berlepas semalam, hari ini, esok, 27 September dan 1 Oktober ini.

“Semua jemaah terbabit berlepas dari Lapangan Ter-

bang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dan terus ke Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mahkota Mohammad Bin Abdul Aziz, Madinah. Kumpulan pertama hari ini (semalam) mempunyai 279 jemaah.

“Apabila semua jemaah tiba di sana (Madinah), pasukan TH sudah menunggu dan akan membantu jemaah bagi melaksanakan haji mereka tahun ini,” katanya.



Mat Jalani (kanan) menunggu giliran untuk berlepas ke Madinah di Kompleks TH, di Georgetown, semalam. [FOTO MOHD KAMIL RAHIM/BH]



*“Pemergian secara berseorangan tidak melemahkan semangat kerana TH akan memberi perkhidmatan terbaik”*

**Zaliha Sulaiman,**  
Bakal jemaah haji